

Link : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1167525/negeri-sembilan-sasar-kutipan-peduli-palestin-rm1-juta>

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Malaysia hantar 20 tan barang keperluan untuk rakyat Palestin

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Oktober 27, 2023 @ 3:04pm
bhnews@bh.com.my



Sukarelawan Ops Ihsan menguruskan barangan keperluan hasil sumbangan rakyat Malaysia untuk diagih kepada penduduk Gaza di Pusat Operasi Utama Ops Ihsan di Gudang MAPIM Malaysia di Sepang, Selangor. - Foto ihsan Sekretariat Ops Ihsan

KUALA LUMPUR: Malaysia akan mula menghantar bekalan barangan dan kelengkapan hasil sumbangan rakyat Malaysia untuk keperluan penduduk di Semenanjung Gaza bermula minggu depan.

Sekretariat Ops Ihsan yang ditubuh bagi menggabung kekuatan 45 badan bukan kerajaan (NGO) kemanusiaan dan dipimpin Wisma Putra dalam satu kenyataan hari ini menjelaskan, penghantaran pertama bantuan ini akan membabitkan 20 tan barangan.

"Penghantaran pertama sumbangan rakyat Malaysia berbentuk ubatan dan barangan keperluan sebanyak 20 tan dengan pesawat kargo melalui Pengkalan Udara Subang dijangka pada 3 November 2023 selepas segala perancangan telah dimuktamadkan.

"Ops Ihsan ini terhasil melalui kolaborasi dengan Kementerian Luar dan agensi kerajaan sebagai inisiatif terkehadapan di dalam merangkumkan usaha-usaha NGO atas pendekatan solidariti bagi usaha bantuan kemanusiaan ke Palestin.

"Ini adalah usaha yang amat baik dan dinanti-nantikan untuk semua NGO bekerjasama dan bergerak selari dengan hasrat kerajaan dalam aspek penyaluran bantuan kemanusiaan segera di mana-mana tempat, keadaan dan masa," katanya.

Katanya, Ops Ihsan sehingga kini juga sudah mengumpul kira-kira 50 tan barang-barang bantuan kemanusiaan bernilai hampir RM7 juta yang akan diagih kepada rakyat Palestin khususnya di Semenanjung Gaza.



Sukarelawan Ops Ihsan menguruskan barangan keperluan hasil sumbangan rakyat Malaysia untuk diagih kepada penduduk Gaza di Pusat Operasi Utama Ops Ihsan di Gudang MAPIM Malaysia di Sepang, Selangor. - Foto ihsan Sekretariat Ops Ihsan

Sementara itu katanya, gerak kerja awal yang diatur bagi mengumpul barangan bantuan kemanusiaan berkenaan dan begitu diperlukan penduduk Gaza itu berjaya dijayakan dalam tempoh kurang 48 jam iaitu pada Sabtu dan Ahad lalu.

"Operasi dua hari pada Sabtu dan Ahad lalu membabitkan hampir 800 orang sukarelawan dari pelbagai lapisan rakyat Malaysia menyumbang kudrat dalam sama-sama membantu urusan penerimaan, pengasingan, pengumpulan data sehingga kepada penyusunan barangan dalam kotak yang sudah disediakan.

"Barangan ini dikumpul di beberapa pusat pengumpulan di sekitar Lembah Klang sebelum dihantar ke Pusat Operasi Utama Ops Ihsan di Gudang Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) yang terletak di Sepang," katanya.

Selain MAPIM, Ops Ihsan turut digerakkan Malaysia Humanitarian Aid and Relief (MAHAR), Global Peace Mission (GPM) Malaysia, Red A Humanitarian Development Global, MERCY Malaysia, Pertubuhan Ihsan Johor, dan BeVital sebagai koordinator utama serta mendapat sokongan dan kerjasama padu 38 NGO lain.

Sementara itu, Pengerusi Sekretariat Ops Ihsan, Jismi Johari yang juga Presiden MAHAR memaklumkan, pengurusan barang-barang sumbangan yang diterima kini berada di peringkat akhir untuk dimuktamadkan berdasarkan keperluan utama.

"Ia akan diterbangkan ke Al-Arish, Mesir melalui pesawat kargo sewaan khas dan dibiayai Kerajaan Malaysia. Barangan kemanusiaan ini dibawa masuk ke Gaza melalui sempadan Rafah melalui kerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir.

"Gerak kerja bagi penilaian keperluan barangan bantuan dan logistik serta jaringan perhubungan dengan pihak berkaitan bagi memastikan penghantaran barangan ke Gaza mengikut tatacara betul dan prosedur oleh kerajaan Mesir sudah disempurnakan Datin Azura Ibrahim semasa penugasan beliau di Mesir baru-baru ini," katanya.